

**SATU KAJIAN MENGENAI KAEDAH BELAJAR YANG  
DIMINATI OLEH PELAJAR PENDIDIKAN SENI MUZIK  
DAN PENDIDIKAN BAHASA INGGERIS DI UiTM – SATU  
PERBANDINGAN**

**CADANGAN KAJIAN BAGI MEMENUHI KEPERLUAN  
IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN SENI MUZIK  
(KEPUJIAN**

**KASIRI @ RAZLAN B. GONTINGE  
2000334211**

**FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
MAC 2004**

## PENGHARGAAN

Pertama sekali saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya saya memperolehi kekuatan dan ketabahan bagi menyempurnakan tesis yang sungguh mencabar ini. Buat keluarga tercinta, saya amat berterima kasih atas sokongan dan dorongan kalian selama ini. Sesungguhnya, tanpa sokongan material dan mental dari kalian sukar untuk saya meneruskan perjuangan ini.

Keduanya, saya amat menghargai, berterima kasih dan menyanjung tinggi segala, bimbingan, sokongan, dan nasihat dari 'supervisor' saya iaitu Dr. Hussien B. Mahmood yang telah bertungkus lumus memberi perhatian sepenuhnya dalam proses menyiapkan tesis ini. Tanpa tunjuk ajar dan sokongan dari beliau tidak mungkin tesis ini dapat disempurnakan. Terima kasih sekali lagi.

Ketiganya, saya menghargai sokongan dan perhatian dari semua pensyarah Pendidikan Seni Muzik terutama P. M. Dr. Ramona Mohd. Tahir atas segala tunjuk ajar dan bantuan yang diberikan semasa saya belajar di UiTM. Segala sokongan dan dorongan akan saya kenang sampai bila-bila.

Keempat, kepada semua rakan-rakan seperjuangan di Jabatan Pendidikan Seni Muzik, Fakulti Pendidikan terutama semua rakan sekelas (Group 4), yang sentiasa memberi perangsang dan semangat pada saya. Saya menghargai segala sokongan anda selama ini dan kalian adalah sahabat terbaik saya di sini, semoga kita semua akan memperolehi kejayaan dan kesejahteraan pada masa hadapan, Insyallah.

Akhir kata selamat maju jaya dan terima kasih untuk segalanya.

## ABSTRAK

Proses pembelajaran sering dikaitkan dengan kaedah yang digunakan untuk membolehkan proses mengambil, mendapat, menganalisis dan memproses maklumat dapat dilakukan dengan sempurna dan mengikut ketertiban yang tersendiri. Namun harus diingat bahawa proses pembelajaran merupakan proses yang sinonim dengan kehidupan manusia sejak lahir hingga dewasa.

Proses ini akan berubah dari semasa ke semasa mengikut peningkatan umur, fizikal dan peredaran zaman. Walaupun begitu, proses pembelajaran manusia banyak bergantung kepada kaedah yang digunakan untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Kaedah ini disebut sebagai kaedah belajar yang akan menentukan bagaimana proses mendapatkan pengetahuan dijalankan. Kaedah belajar ini adalah berbeza-beza mengikut persepsi masing-masing serta kesesuaian dan keselesaan yang tersendiri.

Oleh yang demikian, kajian mengenai kaedah belajar ini telah dilakukan di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, melalui kaedah pengedaran borang kaji selidik kepada 40 orang pelajar. Pelajar-pelajar yang terlibat adalah pelajar yang mengkhusus dalam

## ISI KANDUNGAN

### Muka Surat

1.	Perakuan	i
2.	Penghargaan	ii
3.	Abstrak	iii
4.	Isi Kandungan	v-vi
5.	Senarai Jadual dan Graf	vii
<b>A.</b>	<b>BAB 1 (Pengenalan)</b>	
1.0	Latar Belakang	1-2
1.1	Pernyataan Masalah	2-3
1.2	Tujuan Kajian	3-4
1.3	Soalan Kajian	4
1.4	Batasan Kajian	4
1.5	Definisi Istilah	5
<b>B.</b>	<b>BAB 2 (Literature Review)</b>	6-23
<b>C.</b>	<b>BAB 3 (Rangka Kajian dan Methodologi)</b>	
3.1	Populasi	24-25
3.2	Sample	25
3.3	Pengumpulan Data	25
3.4	Prosedur Kajian	25
3.5	Analisis Data	26

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.0 LATAR BELAKANG**

Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kampus Seksyen 17, Shah Alam, ditubuhkan pada 1997 dengan menawarkan program-program dalam pelbagai bidang. Pada masa sekarang, Fakulti Pendidikan menawarkan lapan program yang terdiri daripada Pra-Ijazah, Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana. Program-program tersebut adalah Pra-Ijazah dalam Pendidikan Bahasa Inggeris, Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Inggeris, Pendidikan Seni Muzik, Pendidikan Seni dan Seni Reka, Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, Pendidikan Sains (program baru November 2002) dan dua program peringkat Sarjana iaitu Sarjana Bahasa Inggeris dan Sarjana Pendidikan Seni Muzik (program baru November 2002).

Terdapat 767 pelajar sepenuh masa dan 376 pelajar separuh masa yang sedang mengikuti pengajian dalam pelbagai peringkat di Fakulti Pendidikan. Secara umumnya kurikulum yang ditawarkan oleh Fakulti Pendidikan adalah selaras dengan visi UiTM iaitu melahirkan golongan pendidik profesional bumiputera yang berilmu pengetahuan luas, berkemahiran untuk mengajar, kreatif, inovatif, kompetitif, dan proaktif dan bermoral tinggi untuk mendidik generasi muda serta memberi sumbangan kepada perkembangan dan kemajuan negara khususnya dalam bidang pendidikan agar ianya selaras dengan visi pendidikan kebangsaan (Quality Unit, Fakulti Pendidikan 2002)